

10 NOV 2003

PBS SOKONG PENUH ARAHAN ABDULLAH BERI MAKLUMAT SEBENAR

KOTA KINABALU, 10 Nov (Bernama) -- Parti Bersatu Sabah (PBS) menyatakan sokongan penuhnya terhadap gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada semua anggota Barisan Nasional (BN) supaya menyatakan perkara sebenar dalam menangani masalah rakyat.

Setiausaha agungnya Datuk Radin Malleh berkata PBS akan memberi kerjasama yang diperlukan kepada beliau.

"PBS ingin menyatakan bahawa kami memberi sokongan penuh dan padu terhadap pendirian Perdana Menteri berhubung isu kepimpinan yang berkualiti, mengurangkan kerenah birokrasi dan membanteras rasuah dalam kerajaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Radin berkata walaupun pendirian Abdullah mengenai kepimpinan berkualiti melalui teladan bukan sesuatu yang baru, tetapi tindakan beliau mengulangi falsafah yang digubal Perdana Menteri sebelum ini, Tun Dr Mahathir Mohamad, menunjukkan kesungguhannya untuk membawa negara ke tahap yang lebih gemilang.

Pendekatan secara falsafah yang diambil oleh Abdullah untuk menggembleng kerjasama pelbagai lapisan masyarakat merupakan permintaan yang dibuat secara ikhlas dan tepat pada waktunya, kata Radin.

"Saya katakan ia bersifat falsafah kerana ia merupakan pendekatan yang mudah tetapi amat bererti, terutama apabila Perdana Menteri berkata beliau bukan meminta rakyat bekerja untuknya tetapi meminta semua pemimpin dan rakyat bekerja bersamanya demi memajukan lagi negara kita yang tercinta ini," katanya.

-- BERNAMA

JS SP RON